

SOALAN NO. : 16**DEWAN RAKYAT MALAYSIA****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]****TARIKH : 1 NOVEMBER 2017 (RABU)****SOALAN:**

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan status kerja pembinaan tebatan banjir di daerah Penampang, Sabah dan apakah langkah-langkah sementara yang diambil untuk mengurangkan kemungkinan banjir di daerah Penampang sementara menunggu siapnya projek tebatan banjir tersebut termasuk jika Kerajaan telah mengambil penyelesaian untuk membersihkan parit-parit yang sumbat.

19

JAWAPAN:

Tuan Yang di- Pertua,

Status semasa kerja-kerja tebatan banjir di daerah Penampang, Sabah adalah seperti berikut;

1) Rancangan Tebatan Banjir Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Moyog, Sabah – Membina dan Menaiktaraf Parit 18A, Kerja Pembaikan Parit A dan Kerja-Kerja Berkaitan di Sungai Kibabaig (Pakej 1)

- Projek ini telah dimulakan pada 21 November 2016 dan akan mengambil masa 36 bulan. Kemajuan fizikal adalah 12.45% dan adalah mengikut jadual. Pihak JPS sedang menunggu kelulusan pengazetan tanah untuk tanah yang terlibat dalam projek ini.

2) Rancangan Tebatan Banjir Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Moyog, Sabah- Kerja-Kerja Menaiktaraf Sungai Putatan dan Kerja-Kerja Berkaitan (Pakej 3), Sabah

- Projek ini telah dimulakan pada 12 Jun 2017 dan akan mengambil masa 42 bulan untuk siap. Kemajuan fizikal setakat ini adalah 2.35% dan adalah mengikut jadual.
- Pada masa yang sama, proses pengambilan tanah dengan pengazetan tanah bagi tanah-tanah yang terlibat dengan projek baru sahaja diluluskan pada 14 September 2017 oleh Pejabat Hasil Bumi, Sabah.

Bagi langkah jangka pendek untuk mengurangkan risiko banjir, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang dan akan melaksanakan kerja-kerja penggorekan sungai dan penyelenggaraan parit di kawasan berkenaan mengikut jadual yang ditetapkan dan berdasarkan keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 1 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN : 17

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- (a) adakah dan bilakah pihak Kementerian akan memberi pertimbangan kepada permohonan syarikat penerbangan AirAsia untuk membuka laluan penerbangan di antara daerah dalam negeri Sarawak serta di antara Sabah dan Sarawak, memandangkan terdapat permintaan tinggi di kalangan rakyat; dan
- (b) berapakah subsidi Kerajaan yang disediakan bagi syarikat penerbangan MASwings yang beroperasi laluan penerbangan di antara negeri Sarawak dan Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang melaksanakan rasionalisasi terhadap perkhidmatan udara luar bandar (*rural air services – RAS*) di Sabah dan Sarawak berdasarkan kajian semula RAS yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission – MAVCOM*). Kajian tersebut antara lain merangkumi kajian ke atas objektif RAS, implikasi kewangan yang terlibat, laluan dan kekerapan penerbangan RAS, kadar tambang yang dikenakan, pesawat yang hendak diguna pakai, mekanisme pemberian subsidi kepada pengguna perkhidmatan ini serta mekanisme pemantauan RAS.

Dalam hubungan ini, salah satu perkara yang turut dipertimbangkan dalam kajian tersebut adalah permohonan syarikat AirAsia untuk beroperasi ke laluan RAS. Berdasarkan hasil kajian tersebut, adalah didapati laluan-laluan yang dipohon oleh AirAsia masih belum berpotensi sebagai laluan komersial. Ini adalah kerana laluan tersebut mempunyai faktor muatan (*load factor*) yang rendah iaitu di antara 24% hingga 73% dan bilangan penumpang hanyalah di antara 11,951 hingga 100,792 orang penumpang. Kebarangkalian syarikat penerbangan memberhentikan operasi disebabkan oleh kerugian ke laluan tersebut dilihat adalah tinggi disebabkan faktor muatan yang rendah tersebut.

Pemberhentian operasi oleh syarikat penerbangan komersial tersebut secara langsung akan menjejaskan *connectivity* bagi laluan tersebut dan penyediaan perkhidmatan penerbangan secara berterusan ke laluan tersebut tidak dapat direalisasikan dan memberi kesan langsung kepada penduduk kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak yang sepatutnya menerima bantuan subsidi RAS daripada kerajaan.

Berdasarkan kajian semula RAS yang dilaksanakan oleh MAVCOM, terdapat 6 laluan RAS sedia ada (iaitu Kota Kinabalu – Sandakan, Kota Kinabalu – Tawau, Kota Kinabalu – Miri, Kuching – Miri, Kuching – Bintulu dan Kuching – Sibul) yang dioperasikan bersama oleh MASwings dan syarikat penerbangan komersial yang lain (iaitu Malaysia Airlines dan AirAsia) serta mempunyai faktor muatan yang tinggi iaitu sehingga 86%. Sehubungan ini, Kerajaan telah bersetuju supaya keenam-enam laluan tersebut dikeluarkan daripada laluan RAS dan boleh dioperasikan oleh syarikat-syarikat penerbangan komersial mulai tahun 2019.

- (b) Buat masa ini, subsidi yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi menampung kos kerugian mengoperasikan RAS di Sabah dan Sarawak adalah sebanyak RM160 juta setahun iaitu merangkumi kos operasi RAS dan sewa pajakan pesawat yang digunakan untuk perkhidmatan ini.

SOALAN (18)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 01 NOVEMBER 2017
[RABU]**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

SOALAN:-

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan sepanjang tahun 2016, jumlah peratusan bagi barangan yang dijual merupakan barangan import.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia menggunakan 'sistem perdagangan umum' dalam penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri. Di bawah sistem ini, sempadan negara digunakan sebagai sempadan perangkaan di mana semua barang yang dibawa masuk atau keluar dari negara direkodkan sebagai import dan eksport masing-masing.

Import mempunyai 3 kategori utama dari segi penggunaan akhir (*end use*) iaitu barangan modal (*capital goods*), barangan perantaraan (*intermediate goods*) dan barangan penggunaan (*consumption goods*).

Barangan modal adalah aset yang diimport untuk kegunaan dalam pengeluaran manakala barangan penggunaan diimport untuk penggunaan isi-rumah. Barangan perantaraan pula diimport sebagai input atau bahan mentah untuk tujuan pengeluaran kepada barangan

siap. Barangan siap ini boleh di jual di pasaran tempatan atau dieksport tetapi pecahan maklumat ini tidak tersedia ada.

Bersama-sama ini disertakan nilai import dan peratus pembahagian bagi 3 kategori utama penggunaan akhir untuk tahun 2016 seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Nilai import dan peratus pembahagian bagi 3 kategori utama penggunaan akhir untuk tahun 2016

Bil.	Penggunaan akhir	Tahun	
		2016	
		RM Bilion	% Pembahagian
1	Barangan Modal	100.2	14.3
2	Barangan Perantaraan	399.0	57.1
3	Barangan Penggunaan	67.0	9.6
4	Lain-lain	132.6	19.0
	Jumlah Import	698.8	100.0

Sekian, terima kasih.

1 November 2017